

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM BIL. 11

PENGELUARAN KHAS KWSP 2022: ADAKAH DIWAJIBKAN ZAKAT?

Merujuk kenyataan media yang bertarikh 16 Mac 2022, YAB Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa:

*“Berdasarkan dapatan kajian dan penelitian secara menyeluruh dalam fasa pemulihan selepas pandemik ini, ada dalam kalangan Keluarga Malaysia yang masih terkesan dari segi ekonomi, hilang pendapatan dan sedang membina semula kehidupan. Kerajaan mendengar, mengkaji dan meneliti permintaan daripada semua pihak untuk mengeluarkan caruman KWSP. Justeru itu, pada hari ini Kerajaan bersetuju membenarkan **pengeluaran khas KWSP sebanyak RM10,000.**”*

Secara asasnya, KWSP adalah dikategorikan sebagai harta simpanan. Apabila telah memenuhi syarat sempurna milik (*al-milk al-tam*) iaitu apabila telah mencapai usia 50, 55 dan 60 tahun, pengeluaran kerana meninggalkan negara, pengeluaran kerana berpencen dan persaraan pilihan maka diwajibkan zakat ke atas keseluruhan amaun pengeluaran dengan kadar 2.5% dan tertakluk kepada kadar nisab tanpa menunggu tempoh haul.

Dalam hal ini, sekiranya pengeluaran KWSP adalah bukan bertujuan untuk memenuhi keperluan asas (*hajah asliyyah*) atau lain-lain keperluan seperti yang dinyatakan dalam kenyataan media di atas maka amaun pengeluaran tersebut dikenakan zakat setelah berpindah milik.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-222 yang bersidang pada 24 hingga 25 Februari 2021M bersamaan 12 hingga 13 Rejab 1442H setelah menimbang dan memperincikan berdasarkan keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, maka dengan ini memperaku keputusan seperti berikut:

*“Sekiranya kerajaan memperkenalkan apa-apa skim penageluaran KWSP tanpa syarat pada bila-bila masa dan pengeluaran tersebut dibuat bukan untuk keperluan asas (hajah asasih/asliyah) atau pengeluaran bukan disebabkan pendapatan terjejas atau bukan untuk pembayaran hutang keperluan asas, maka amaun pengeluaran tersebut **DIWAJIBKAN UNTUK DIKELUARKAN ZAKAT** sejurus wang tersebut berpindah milik kepada pencarum tertakluk kepada nisab tanpa perlu menunggu haul.”*

Oleh itu, setiap individu Muslim hendaklah bersikap jujur dalam menilai setiap tujuan semasa urusan pengeluaran amaun KWSP. Hal ini bagi memastikan urusan pengeluaran zakat tidak terabai dalam menyeimbangkan keperluan asas yang bersifat terdesak.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (66)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak